

# Tun M sedia hadapi saman Anwar

**P**UTRAJAYA: Tun Dr Mahathir Mohamad sedia bersemuka dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim di mahkamah dalam kes saman fitnah RM100 juta berkaitan kenyataannya yang mendakwa Anwar terbabit dalam homoseksual.

"Saya akan melawannya (di mahkamah)... saya sudah bersedia," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan Perdana Global Peace Forum (PGPF) 2005 di sini, semalam.

Sabtu lalu, akhbar melaporkan Dr Mahathir menolak tuntutan Anwar supaya memohon maaf dan ganti rugi fitnah RM100 juta kerana mendakwa Anwar terbabit aktiviti homoseksual.

Jawapan kepada Anwar melalui Tetuan SN Nair & Partners yang dihantar Jumaat lalu, Dr Mahathir mendakwa, keputusan Mahkamah Persekutuan berhubung kes liwat itu menggambarkan Anwar terbabit dalam aktiviti homoseksual.

Notis jawapan itu juga memetik penghakiman yang berbunyi... "Kami mendapati bukti untuk mengesahkan bahawa perayu, (Anwar dan Sukma Darmawan Sasmitaat Madja) terbabit dalam aktiviti homoseksual dan kami lebih cenderung untuk percaya bahawa kejadian yang didakwa berlaku di Trivoli Villa memang berlaku..."

Ia juga menjelaskan Anwar pernah mengemukakan saman terhadap Mahathir berhubung perkara itu dan perkataan yang sama serta saman fitnah itu ditolak Mahkamah Tinggi pada 30 Ogos 1999.

Rayuan Anwar berhubung kes itu di Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan ditolak dengan alasan Mahkamah Tinggi tidak silap mengemukakan isu justifikasi kes.

Mahathir memohon jika sebarang perintah interloktori diambil terhadapnya seperti tertera dalam notis tuntutan, sebarang dokumen dan tarikh perbicaraan hendaklah dimaklumkan kepadanya terlebih awal.